

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HIT 402 Sains Dalam Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI DALAM TIGA (3) HALAMAN.

Jawab EMPAT (4) soalan daripada soalan-soalan berikut. Anda DIWAJIBKAN menjawab SATU (1) soalan daripada setiap Bahagian A, B, C dan D.

Tiap-tiap jawapan bagi setiap satu bahagian itu MESTILAH dijawab di dalam buku yang berasingan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - [Jawab SATU (1) soalan]

SAMA ADA

1. Epistemologi Islam merupakan satu sistem yang akhirnya membuktikan bahawa paradigma sains dan agama tidak pernah berpisah dan bercanggah antara keduanya seperti yang terjadi di Barat kini. Bincangkan pernyataan ini.

ATAU

2. Sejarah tradisi agama-agama terbesar di dunia memperlihatkan bukti bagaimana wujudnya sumbangan yang besar antara agama dan sains terhadap peradaban manusia. Dengan mengambil contoh Tamaddun Islam, Cina dan India, anda dikehendaki menghuraikan pernyataan ini.

BAHAGIAN B - [Jawab **SATU (1)** soalan]

SAMA ADA

3. Pandangan hidup Sekular adalah punca utama bagi penyalahgunaan teknologi moden sehingga menyebabkan berlakunya pelbagai kerosakan terhadap kehidupan manusia dan alam sekitar. Nyatakan pandangan anda tentang pernyataan ini dengan analisis yang kritis.

ATAU

4. Perkembangan kejadian manusia adalah salah satu isu saintifik yang disentuh di dalam al-Qur'an. Bincangkan isu ini menurut fakta-fakta yang terhasil daripada penemuan sains moden sehingga dapat dibuktikan kebenaran al-Qur'an daripada sudut berkaitan.

BAHAGIAN C - [Jawab **SATU (1)** soalan]

SAMA ADA

5. Bahaskan Teori Fizik Kuantum tentang konsep realiti dan jelaskan apakah pendekatan ini digunakan dalam Sains Islam bagi memerhati dan memahami realiti.

ATAU

6. Hukum "Kekekalan Jirim" masih tetap dominan dan diajarkan di peringkat sekolah atau universiti, padahal pandangan begini bertentangan dengan teori-teori Sains Fizik mutakhir. Huraikan.

BAHAGIAN D - Jawab **SATU (1)** soalan.

SAMA ADA

7. Umat Islam harus ada I.S.O. yang tersendiri. Huraikan dan beri pandangan anda mengenai pernyataan di atas.

ATAU

8. Kebanyakan daripada kerosakan alam sekitar yang berlaku dewasa ini bukanlah disebabkan oleh ketandusan pengetahuan mengenai penjagaannya, tetapi disebabkan oleh kerenggangan hubungan antara manusia dengan Penciptanya. Berdasarkan fakta-fakta terkini, bincangkan pernyataan tersebut.

--000000000--